

DOMESTIC VIOLENCE AND ITS IMPLICATIONS ON FOOD INSECURITY WITHIN FAMILY INSTITUTIONS

KEGANASAN DOMESTIK DAN IMPLIKASINYA TERHADAP INSEKURITI MAKANAN DALAM INSTITUSI KELUARGA

Mohd Anuar Ramliⁱ, Annuar Ramadhon Kasaⁱⁱ & Muhammad Yusri Yusof @ Sallehⁱⁱⁱ

ⁱ Profesor Madya, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. mohdanuar@um.edu.my

ⁱⁱ (*Corresponding author*). Calon Ph.D, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. annuarramadhonkasa@gmail.com

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia. yusri613@uitm.edu.my

Received: 28 August 2024

Article Progress
Revised: 3 October 2024

Accepted: 30 October 2024

Abstract	<p><i>Domestic violence is a global issue and involves serious human rights violations. In Malaysia, this form of violence has various implications, notably an increase in food insecurity. This increase can occur either directly through the perpetrator's restriction of the victim's access to food, or indirectly, such as through physical abuse that impairs the victim's ability to earn income, thereby diminishing their food purchasing power. This phenomenon disproportionately affects women and children, who often endure multiple adverse impacts simultaneously. Aligning with this context, this study concentrates on analyzing the phenomenon of domestic violence and its impact on the security of its victims in Malaysia. Utilizing a qualitative approach, this research applies content analysis to instances of domestic violence reported in local media. The findings indicate a prevalent trend of domestic violence predominantly targeting victims (women and children) who exhibit a high dependency on their aggressors, thereby perpetuating a cycle of violence and food insecurity due to a lack of intervention to halt this cycle. Consequently, this study proposes a novel direction for addressing these pervasive issues within Malaysian families from the perspective of the mosque, positioning it as an institution that addresses local community issues.</i></p> <p>Keywords: <i>Community intervention, Gender, Home conflict, Hunger, Malaysian family.</i></p>
Abstrak	<p><i>Keganasan domestik adalah isu global dan melibatkan pelanggaran hak asasi manusia yang serius. Di Malaysia, keganasan domestik membawa pelbagai implikasi, salah satunya adalah peningkatan fenomena insekuriti makanan. Ini boleh berlaku secara langsung melalui sekatan akses mangsa kepada makanan oleh pelaku, atau secara tidak langsung seperti melalui penderaan fizikal yang mengurangkan keupayaan mangsa untuk mendapatkan pendapatan,</i></p>

sekaligus menurunkan kuasa beli makanan. Fenomena ini secara khususnya membebaskan wanita dan kanak-kanak yang sering menghadapi beberapa impak negatif serentak. Selaras dengan situasi ini, kajian ini memberi tumpuan bagi menganalisis fenomena keganasan domestik dan kesannya terhadap sekuriti mangsa keganasan di Malaysia. Bagi tujuan tersebut, kajian kualitatif ini mengaplikasikan analisis kandungan terhadap kes-kes keganasan domestik dalam laporan-laporan media tempatan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat trend keganasan domestik di mana ia sering berlaku terhadap mangsa (wanita dan kanak-kanak) yang mempunyai kadar kebergantungan tinggi terhadap pelaku keganasan sehingga akhirnya menyebabkan berlakunya kitaran keganasan dan insekuriti makanan akibat ketiadaan intervensi bagi mengakhiri kitaran tersebut. Oleh sebab itu, kajian ini turut mengesyorkan arah baharu bagi mengatasi kedua-dua masalah yang membelenggu keluarga Malaysia dari perspektif masjid dengan menjadikannya sebagai sebuah institusi yang cakna dengan masalah-masalah masyarakat setempat.

Kata kunci: Gender, Intervensi komuniti, Kebuluran, Keluarga Malaysia, Konflik rumah tangga.

PENDAHULUAN

Makanan merupakan keperluan asasi bagi manusia untuk melangsungkan hidup dan membentuk sebuah peradaban. Tanpa makanan, survival manusia tidak dapat dilangsungkan dan sekaligus bermakna bahawa survival peradaban juga terpadam. Sejarah telah menunjukkan bahawa fenomena insekuriti makanan mempunyai kesan yang dramatik, seperti yang diperlihatkan melalui peristiwa kebuluran kentang di Ireland (*The Irish Potato Famine*) sekitar pertengahan abad ke-19. Menurut Kinealy (2023), peristiwa ini mengakibatkan sejuta kematian dilaporkan akibat kelaparan, dan memaksa lebih daripada satu juta lainnya bermigrasi ke negara lain, membuktikan betapa pentingnya makanan dalam mempertahankan kestabilan sosial dan ekonomi suatu peradaban.

Dalam konteks kontemporari, ancaman terhadap sekuriti makanan semakin meningkat dengan kewujudan cabaran-cabaran baharu bermula dari cabaran yang terlihat secara terbuka sehinggalah cabaran yang hanya terlihat bagi individu-individu tertentu. Dalam konteks tertutup ini, satu daripada tiga wanita di seluruh dunia pernah mengalami keganasan fizikal atau seksual sepanjang hidup mereka dan jumlah ini kekal statik selama hampir sedekad (Forsythe, 2023). Keganasan ini turut dirasai oleh golongan lelaki, kanak-kanak dan suri rumah meskipun kadang-kala dianggap sebagai isu terpencil. Di Malaysia, sebanyak 18, 433 wanita menderita akibat menjadi mangsa keganasan dalam tempoh empat tahun lalu (PDRM, 2024). Dalam masa sama, kes keganasan terhadap kanak-kanak turut meningkat saban tahun dengan 6, 990 kes sejak tahun 2017 sehingga tahun 2023 (Malaysia Gazette, 2024).

Isu ini melibatkan kesan fizikal, psikologi dan ekonomi, yang seringkali mengakibatkan mangsa mengalami kesukaran dalam memenuhi keperluan asas, termasuklah makanan. Insekuriti makanan, yang didefinisikan sebagai keadaan di mana individu atau rumah tangga tidak memiliki akses yang mencukupi kepada makanan yang berkualiti dan bergizi untuk menjalani kehidupan yang sihat dan aktif, sering terjadi sebagai akibat daripada keganasan domestik (Ibrahim & Mazlan, 2021). Peningkatan tahap insekuriti makanan bagi mangsa meningkat lantaran keterhubungannya dengan kesan-kesan keganasan terutamanya keupayaan bekerja atau mencari pendapatan dan tahap kesihatan mental mangsa (Acosta et al., 2020; Waterman et al., 2024). Keadaan ini mendorong kepada gejala-gejala seperti kelaparan, malnutrisi dan kerencatan terhadap tumbesaran bagi mangsa keganasan akibat kegagalan mendapat makanan yang cukup, berkhasiat dan seimbang (Mardones et al., 2020).

Walaupun masalah insekuriti makanan merupakan masalah global di mana kira-kira 3.1 bilion orang di seluruh dunia tidak mampu membeli makanan sehingga sekiranya projek pebasnian kelaparan tidak diberi perhatian, 8% daripada populasi global akan menghadapi kelaparan pada tahun 2030 (GFSI, 2022). Namun normalisasi isu ini dengan stigma sosial dan kurangnya akses kepada sumber bantuan, menjadikan mangsa keganasan domestik di Malaysia bukan sahaja terperangkap dalam kecederaan fizikal, mental dan kemiskinan tetapi juga terperangkap dalam kitaran insekuriti makanan akibat keganasan yang dihadapi. Pada akhirnya, mangsa enggan atau berfikir dua kali untuk membebaskan diri daripada keganasan yang dihadapi mengingatkan keselamatan dan keterjaminan makanan bagi diri serta anak-anaknya. Sehubungan dengan itu, kajian ini memfokuskan terhadap keganasan domestik dan kesannya terhadap sekuriti makanan keluarga di Malaysia. Selanjutnya, kajian ini mengesyorkan arah baharu bagi mengatasi cabaran berkembar ini dari perspektif institusi masjid.

KONSEP KEGANASAN DOMESTIK

Keganasan domestik ialah corak tingkah laku berunsurkan penderaan dalam hubungan di antara pasangan atau sesama keluarga untuk mendapatkan atau mengekalkan kuasa dan kawalan ke atas mangsa (Kourti et al., 2023). Arief dan Rahim (2020) mendefinisikan keganasan sebagai serangan atau paksaan yang melibatkan aspek fizikal, seksual, psikologi, dan ekonomi terhadap pasangan intim. Keadaan ini disokong oleh ketidakseimbangan kuasa yang dipertahankan melalui taktik kawalan dan paksaan, di mana ugutan atau penderaan mencakupi pelbagai jenis ancaman atau keganasan yang menyebabkan mangsa hidup dalam rasa takut (Randawar & Zin, 2022). Ia boleh berlaku tanpa mengira bangsa, umur, orientasi seksual, agama, identiti jantina atau latar belakang sosioekonomi. Kuncinya, ia dilakukan oleh individu “pemangsa” yang mempunyai kelebihan atau kekuatan sama ada dari segi fizikal, kewangan dan sebagainya sebagai umpan untuk melakukan keganasan bermula dari ugutan sehinggalah kepada kecederaan fizikal (Randawar & Zin, 2022).

Keganasan domestik melibatkan pelbagai bentuk dan tidak hanya terhad kepada keganasan fizikal atau seksual sahaja, walaupun kedua-duanya seringkali menjadi fokus dalam laporan-laporan di peringkat tempatan dan global. Berikut adalah beberapa bentuk keganasan domestik:

1. Fizikal: Tindakan yang mencederakan atau cuba mencederakan mangsa secara fizikal seperti menumbuk, menendang, dan memukul.
2. Seksual: Perbuatan memaksa mangsa untuk melakukan hubungan seks tanpa keizinannya, termasuklah rogol dalam perkahwinan dan pelacuran paksa.
3. Psikologi atau Emosi: Tindakan yang menyebabkan tekanan emosi kepada mangsa sehingga menghakis maruah, kepercayaan dan jati diri.
4. Ekonomi: Tindakan menghadkan atau mengawal akses mangsa kepada sumber ekonomi, serta menyalahgunakan sumber ekonomi mangsa.
5. Verbal: Ucapan yang mengandungi penghinaan atau cacian yang boleh merendahkan martabat mangsa.
6. Sosial: Usaha untuk mengisolasi mangsa dari lingkungan sosialnya, termasuk melarangnya berinteraksi dengan keluarga atau rakan-rakannya.
7. Spiritual: Tindakan menghalang mangsa dari mengamalkan kepercayaan agamanya.
8. Digital: Tindakan menjatuhkan maruah mangsa melalui platform media sosial.

Di Malaysia, keganasan domestik telah menjadi satu fenomena terutamanya setelah berlakunya pandemik. Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), terdapat sebanyak 5, 507 kes yang dilaporkan pada tahun 2023 berbanding jumlah kes yang lebih tinggi pada tahun 2022 iaitu sekitar 6, 540 kes (Kosmo, 2024). Dalam laporan yang lain pula, statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan jumlah 8, 580 kes dilaporkan pada tahun 2022, manakala tahun 2021 mencatatkan jumlah sebanyak 9, 334 kes (Kosmo, 2023a). Sementara itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merekodkan kes keganasan

domestik pada tahun 2021 sebanyak 1, 234 kes keseluruhan. Ia melibatkan pelbagai bentuk keganasan iaitu mencederakan secara fizikal (512 kes), sengaja atau cuba meletakkan mangsa dalam keadaan ketakutan (405 kes), melakukan penderaan secara psikologi dan emosi terhadap mangsa (219 kes), memaksa atau mengancam untuk melakukan perbuatan berbentuk seksual (42 kes), melakukan khianat atau memusnahkan atau merosakkan harta dengan niat untuk menyebabkan kesedihan atau kegusaran kepada mangsa (34 kes), mengurung tanpa kerelaan mangsa (13 kes), menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan bahan-bahan memabukkan atau apa-apa bahan lain tanpa kerelaan mangsa, atau dengan kerelaan tetapi diperolehi dengan cara yang menyalahi undang-undang (8 kes) dan menyebabkan kanak-kanak mengalami delusi dengan menggunakan bahan-bahan yang memabukkan (1 kes) (JKM, 2022).

Menurut Daud et al., (2021), setiap pasangan atau ahli keluarga yang menjadi mangsa atau objek keganasan oleh pemangsa boleh mendapatkan perlindungan di bawah Akta Keganasan Rumahtangga 1994. Menerusi akta ini, mahkamah boleh memberi perintah perlindungan interim sementara menunggu penyiasatan dijalankan. Selain itu, mahkamah juga boleh mengeluarkan perintah perlindungan bersama satu atau lebih daripada perintah: (a) hak penghunian eksklusif; (b) menghalang pelaku memasuki tempat kediaman atau kediaman alternatif atau tempat kerja atau institusi; (c) kebenaran orang yang dilindungi untuk masuk kediaman bagi mengambil barang ditemani pegawai kebajikan masyarakat; (d) larangan berhubung secara atas talian mahupun surat-menyurat dengan mangsa; (e) kebenaran menggunakan kenderaan dan (f) apa-apa arahan lain yang wajar dikeluarkan. Malah, pegawai kebajikan masyarakat juga boleh memberikan perlindungan dengan mengeluarkan perintah perlindungan kecemasan tanpa had masa, atau dalam situasi di mana perintah perlindungan interim atau perintah perlindungan yang telah dikeluarkan sebelumnya masih belum diselesaikan (Daud et al., 2021).

Menurut Mahdzir et al. (2021), terdapat dua faktor utama yang menyebabkan keganasan domestik terus berlaku iaitu pertama, kekurangan "*first responder*" yang efektif untuk memastikan keselamatan mangsa terjamin. Kedua, kebergantungan kewangan mangsa terhadap pelaku, yang menghadkan keupayaan mereka untuk membebaskan diri dari situasi tersebut. Oleh sebab itu, walaupun terdapat undang-undang yang dirancang untuk melindungi mangsa, kejadian ini masih berterusan setiap tahun di mana ia tidak terbatas sekadar penderaan terhadap golongan wanita tetapi ia boleh berlaku kepada mana-mana golongan tanpa mengenal usia termasuklah warga emas dan kanak-kanak.

MEMAHAMI FENOMENA INSEKURITI MAKANAN

Konsep sekuriti makanan bertitik tolak daripada keupayaan individu untuk mendapatkan makanan mencukupi bagi meneruskan kehidupan yang sihat. Pelbagai takrifan telah dikemukakan bagi menjelaskan sekuriti makanan tetapi menurut Ibrahim & Mazlan (2021), ia boleh dijelaskan secara menyeluruh dengan menyentuh empat komponen bagi sekuriti makanan sebagaimana jadual di bawah:

Jadual 1.1 Takrifan Sekuriti Makanan

Komponen	Takrifan
Kesediaan makanan (<i>food availability</i>)	Keupayaan isi rumah untuk mendapatkan makanan dalam kuantiti yang menjamin keperluan isi rumahnya.
Akses makanan (<i>food access</i>)	Keupayaan individu bagi memperoleh sumber dan hak mendapatkan makanan bagi menampung keperluan diet diri sendiri atau isi rumah.
Penggunaan makanan (<i>food utilization</i>)	Ia ditentukan melalui kecukupan makanan dan keupayaan individu mendapatkan nutrien yang mencukupi melalui jumlah makanan yang diambil.
Kestabilan makanan (<i>food stability</i>)	Ia dapat dicapai apabila isi rumah dan individu dapat memenuhi makanan yang mencukupi dan keperluan kalori yang diperlukan setiap masa.

Sumber: Ibrahim & Mazlan (2021)

Dalam konteks kontemporari, isu sekuriti makanan muncul sebagai cabaran global yang menghantui negara-negara di seluruh dunia, termasuk Malaysia lantaran kesannya yang mendalam terhadap individu dan isi rumah (Pickson et al., 2023). Medina-Hernández et al. (2023) menjelaskan bahawa sekuriti makanan merupakan isu yang kritikal bagi isi rumah terutamanya di negara-negara miskin dan sedang membangun. Menurut Pickson et al. (2023), isu insekuriti makanan merupakan masalah yang membimbangkan terutamanya penduduk di negara-negara Asia dengan jumlah ketidakterjaminan makanan meningkat kepada 425 juta pada tahun 2021 berbanding 319.9 juta pada tahun 2015.

Walaupun Malaysia mempunyai kedudukan yang baik iaitu sebagai negara ke-41 daripada 113 negara menurut Indeks Keselamatan Global 2022, dengan skor 69.9%, namun Malaysia juga tidak terlepas daripada menghadapi masalah serius berkaitan dengan keterbantutan kanak-kanak. Data menunjukkan berlakunya peningkatan dalam masalah kanak-kanak terbantut di bawah umur lima tahun, dari 17.6% pada tahun 2012 menjadi 21.9% pada tahun 2022 (FAO, IFAD, UNICEF, WFP, & WHO, 2023).

Satu tinjauan yang dilaksanakan oleh Malaysian Adult Nutrition Survey (MANS) pada tahun 2014 telah mendedahkan cabaran serius yang dihadapi Malaysia berkaitan insekuriti makanan dengan kira-kira 25.0% responden bergelut dengan kekurangan jumlah makanan, sementara 25.5% menghadapi kekurangan kepelbagaian dalam diet mereka. Selanjutnya, kira-kira 21.9% populasi melaporkan mengurangkan kekerapan pengambilan makanan, dan 15.2% melangkau makanan penting kerana kekangan kewangan (Ahmad et al., 2020).

Dalam Indeks Keselamatan Makanan Global (GFSI, 2022), berlaku penurunan kemampuan (*affordability*) dengan skor kemampuan menurun sebanyak 4%, dari 71.9 menjadi 69, antara 2019 dan 2022 sebagai akibat daripada pandemik COVID-19 dan konflik di Ukraine, yang meningkatkan kos makanan. Dalam statistik yang sama, berlaku kemerosotan berterusan dalam persekitaran sekuriti makanan di seluruh 113 negara yang dinilai dan Malaysia berada di kedudukan ke-41 dengan skor 69.9% (2021-39), sementara Indonesia di kedudukan ke-63 (60.2%/2021-69), Singapura di kedudukan ke-28 (73.1%/2021-15), dan Thailand di kedudukan ke-64 (60.1%/2021-51) (GFSI, 2022).

Keadaan ini semakin mencabar dengan wujudnya cabaran-cabaran semasa bermula dari pandemik sehinggalah kepada isu perubahan iklim dan peperangan yang menyebabkan gangguan terhadap bekalan makanan semakin meningkat. Seterusnya mengganggu rantai empat komponen utama sekuriti makanan. Dari kaca mata global masa kini, perubahan iklim misalnya merupakan cabaran yang paling membimbangkan kerana menjejaskan pengeluaran hasil pertanian, mempengaruhi kualiti makanan (Pickson et al., 2023), mengganggu kestabilan bekalan makanan dan mencipta jurang akses kepada makanan terutamanya bagi komuniti yang bergantung kepada sumber semula jadi (Rezvi et al., 2023). Kesan ini turut dirasai oleh komuniti Malaysia dan dilaporkan dalam media-media tempatan seperti gangguan terhadap bekalan telur akibat cuaca tidak menentu (Bernama, 2022), penurunan pengeluaran minyak sawit akibat peningkatan suhu (Sinar Harian, 2023a) dan tumbesaran ayam yang terjejas akibat cuaca panas (Utusan, 2023).

Begitu juga dengan krisis peperangan yang berlaku seperti krisis Rusia-Ukraine. Secara umumnya, Rusia dan Ukraine memegang peranan penting dalam pasaran global, menyumbang sebanyak 34 peratus daripada perdagangan gandum dunia, 17 peratus bagi jagung, dan 73 peratus bagi minyak bunga matahari (Abay et al., 2023; Leal Filho et al., 2023). Kedua-dua negara ini juga merupakan penyumbang utama dalam perdagangan barli dan jagung global, dengan sumbangan masing-masing sebanyak 27 dan 17 peratus. Eksport ini amat signifikan dalam konteks penggunaan dan diet global, memainkan peranan dalam menyediakan kira-kira 12 peratus daripada kalori yang diperdagangkan secara global (Abay et al., 2023). Menurut Leal Filho et al. (2023), krisis berdarah ini menyebabkan berlakunya peningkatan harga makanan yang lebih tinggi dan menyebabkan ketersediaan makanan terjejas terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah di negara-negara yang bergantung kepada hasil import Rusia-Ukraine. Situasi ini turut dirasakan di Malaysia

dengan berlakunya gangguan bekalan makanan (MyMetro, 2022) dan “perang” lonjakan harga sehingga mengakibatkan krisis inflasi makanan (Sinar Harian, 2022).

Jelas, insekuriti makanan merupakan fenomena yang terjadi apabila akses kepada makanan yang mencukupi, selamat, dan berkhasiat terganggu secara kronik atau sporadik. Ini boleh berlaku akibat dari beberapa faktor yang bersifat sosioekonomi, politik, dan ekologi.

KES-KES KEGANASAN DOMESTIK DI MALAYSIA DAN IMPLIKASINYA TERHADAP INSEKURITI MAKANAN

Secara asasnya, kes keganasan domestik merupakan salah satu krisis yang mengundang fenomena insekuriti makanan. Ia timbul akibat dilema yang dihadapi oleh golongan yang rentan terhadap keganasan terutamanya wanita dan kanak-kanak di mana mereka berada di persimpangan di antara terus menjadi mangsa keganasan atau kehilangan sumber makanan (Hatcher et al., 2022). Hal ini berlaku kerana biasanya pemangsa merupakan individu yang mempunyai kekuatan dan kelebihan berbanding mangsa termasuklah dari segi kemampuan untuk menyediakan makanan. Sekiranya mangsa memilih berterusan menanggung beban keganasan, mereka terdedah pula kepada ancaman seperti pengabaian terhadap nafkah yang merangkumi penyediaan makanan, catuan makanan, pemberian kuantiti makanan mengikut gender atau ketidakadilan gender dalam pengambilan makanan (Forsythe, 2023).

Pada dasarnya, pemangsa menggunakan kelebihannya dengan menjadikan makanan sebagai alat kawalan dan penghukuman terhadap mangsa, di mana mereka mungkin mengehadkan akses kepada sumber makanan atau memanipulasi pengambilan makanan sebagai bentuk dominasi dan kawalan (Waterman et al., 2024). Dalam konteks ini, laporan-laporan media tempatan menunjukkan trend bahawa ia kerap berlaku bagi kanak-kanak sebagaimana berikut:

1. Seorang kanak-kanak lelaki ditemui dalam keadaan kelaparan dengan kesan kecederaan di seluruh badan. Mangsa ditemui oleh penduduk setempat apabila cuba meminta makanan (Astro Awani, 2023).
2. Seorang kanak-kanak lelaki menjadi mangsa penderaan bapanya setelah dikurung di dalam tandas dalam keadaan kelaparan selama berjam-jam. Penderitaan mangsa kemudiannya disedari oleh jiran setelah beberapa bulan dan perkara tersebut dilaporkan kepada pihak berkuasa (Sinar Harian, 2023b).
3. Seorang kanak-kanak perempuan ditemui mati dipercayai berpunca daripada kekurangan zat besi dan makanan selain terdapat unsur pengabaian serta penderaan oleh penjaga (Berita Harian, 2023).

Manakala golongan perempuan (isteri atau anak) pula sering terdedah kepada keganasan dalam bentuk fizikal, verbal, emosi, sosial, seksual dan ekonomi di mana ia boleh berlaku secara berasingan atau secara setentak. Beberapa laporan media tempatan melaporkan kes-kes keganasan seperti berikut:

1. Seorang mangsa perempuan (isteri) dilaporkan sering mengalami ancaman pemukulan dan tidak diberikan wang nafkah untuk dirinya dan anak-anak sekiranya keinginan berhubungan seksual dengan suami tidak dipenuhi (MyMetro, 2021).
2. Seorang mangsa perempuan (isteri) dilaporkan menghadapi tekanan dan kemurungan. Hal ini kerana mangsa dikongkong dari tindakan sehinggalah tidak dibenarkan untuk berhubung dengan rakan-rakan dan keluarga. Mangsa juga tidak dapat mengakses kad ATM akaun bank kerana kata laluannya telah diubah oleh suami (MyMetro, 2021).
3. Seorang mangsa perempuan (isteri) dilaporkan sering menghadapi keganasan seperti dipukul, diherdik dan dihina. Mangsa turut mengakui mengalami tekanan emosi dan turut menyebabkan trauma kepada anak-anaknya (Kosmo, 2023b).

4. Seorang mangsa perempuan (anak) berusia 17 tahun menjadi mangsa rogol bapanya. Perbuatan ini dilakukan oleh pemangsa dan mengancam mangsa supaya tidak memaklumkan kepada sesiapa (Sinar Harian, 2024).
5. Seorang mangsa perempuan (isteri) dilaporkan mengalami penderaan fizikal dengan diikat, dikoyakkan baju dan dititiskan cecair lilin yang panas. Selain itu, mangsa juga mengalami ancaman dibakar dan dcederakan menggunakan sebilah pisau (Berita Harian, 2024).

Tidak dapat dinafikan bahawa kesan paling buruk terhadap mangsa ialah dari segi fizikal. Mangsa berisiko kehilangan nyawa akibat keganasan melampau sehingga menyebabkan pembunuhan atau mungkin mangsa membunuh diri kerana tertekan dengan keganasan yang dihadapi. Dalam kebanyakan kes, mangsa turut terkesan dari kecederaan biasa sehinggalah kepada kecederaan bersifat kekal kerana dipukul, ditendang, digigit, ditumbuk, dibakar atau dcederakan dengan menggunakan objek atau senjata (Quispe et al., 2022).

Keganasan fizikal bukan sahaja mengakibatkan kecederaan tetapi juga masalah kesihatan mental yang secara kompleksnya mempengaruhi kemampuan mangsa untuk bekerja atau mendapatkan pendapatan (Laurenzi et al., 2020). Antara kesan psikologi yang dialami mangsa ialah gangguan perasaan negatif yang bercampur-baur, bingung, sedih, marah, tidak berdaya, rasa bersalah, gagal dan ketakutan tanpa sebab (Acosta, 2020). Malah mangsa tidak mampu berfikir, hilang konsentrasi, runsing dan gangguan stress pasca-trauma (PTSD) yang boleh mengurangkan kemampuan seseorang untuk menjaga diri sendiri dan keluarganya (Hernández, 2021). Pengalaman keganasan yang dialami meninggalkan kesan trauma, ketakutan, kerisauan yang melampau, panik, dan kerap teringat kejadian yang berlaku sehingga menimbulkan keinginan bunuh diri (Ali et al. 2021). Dalam situasi ini, mangsa menghadapi dilema sama ada untuk terus kekal atau meninggalkan pasangan. Mangsa tertekan untuk terus tinggal kerana bimbang didera secara emosi dan berharap agar pasangan akan berubah. Manakala tekanan meninggalkan pasangan ialah disebabkan oleh keinginan untuk diperlakukan secara adil, kebimbangan tentang keselamatan dan survival kehidupan termasuklah jaminan bekalan makanan bagi diri atau ahli keluarga (Homan et al. 2020).

Ini menambahkan lagi beban kepada mangsa yang sudah berdepan dengan kecederaan fizikal, menjadikan mereka lebih rentan kepada kelaparan dan kekurangan nutrisi. Kesan trauma dan tekanan akibat keganasan boleh mengganggu keupayaan mangsa terutamanya memainkan peranan sebagai ibu untuk menyediakan makanan, baik melalui pengurangan daya tahan mental untuk merancang dan memasak atau melalui kecederaan fizikal yang membatasi keupayaan mereka berbelanja atau memasak. (Waterman et al., 2024). Kebergantungan mangsa terhadap pelaku keganasan juga menjadikan mangsa dalam dilema kerana tidak bekerja atau tiada sumber pendapatan (Abd Manaf et al., 2023). Oleh sebab itu, mangsa memilih untuk kekal bersama pelaku keganasan demi kepentingan diri sendiri atau masa depan anak-anak.

Walaupun bagaimanapun, pilihan untuk bertahan dalam keganasan mencetuskan persekitaran rumah yang tidak stabil dan penuh tekanan, sering kali mengganggu keupayaan rumah tangga terutamanya dalam menyediakan, membeli, atau mengakses makanan yang mencukupi dan berkhasiat (Ramli, 2021). Tekanan ini dapat mewujudkan kitaran keganasan baharu yang melibatkan mangsa bertindak agresif untuk melepaskan tekanan yang dialaminya terhadap mangsa baru seperti kanak-kanak (Saifollah, 2023) di mana golongan ini lebih mudah merasa tertekan atau stres (Rahman & Kasa, 2021) dengan gandaan tekanan lantaran kegagalan mendapat makanan yang cukup, berkhasiat dan seimbang bersama-sama dengan ancaman keganasan yang menjejaskan kesihatan fizikal serta emosinya. Hal ini mempengaruhi keselamatan makanan kanak-kanak yang tinggal dalam situasi tersebut, memperbesar risiko mereka mengalami malnutrisi dan masalah pertumbuhan (Lin et al., 2024). Ini memaksa mangsa keganasan domestik untuk

bergantung kepada bantuan makanan dari agensi bantuan atau kemudahan sosial, yang mungkin tidak selalu mencukupi atau berterusan.

Dalam masa sama, pelaku keganasan rumah tangga sering kali meningkatkan kelebihan yang dimiliki dengan mengasingkan mangsa dari rangkaian sosial yang boleh menyediakan sokongan emosi atau bantuan ekonomi, termasuk bantuan makanan (Abd Manaf et al., 2023). Dalam erti kata lain, keganasan sosial ini adalah satu bentuk pengasingan yang meningkatkan kerentanan mangsa terhadap insekuriti makanan kerana mereka mungkin tidak memiliki sumber atau pengetahuan tentang di mana atau bagaimana mendapatkan bantuan. Situasi ini turut dilaporkan dalam media-media tempatan seperti berikut:

1. Seorang lelaki nekad mengurung isteri dan anak-anaknya. Lelaki tersebut mengunci pagar dan pintu rumah dari dalam. Ini menyebabkan anggota bomba terpaksa mengumpul pintu untuk menyelamatkan wanita dan anak-anaknya (Astro Awani, 2021).
2. Seorang wanita dari Indonesia telah didera oleh majikannya. Mangsa dilaporkan dikurung oleh majikan, dipukul, dicerderakan dengan objek sehingga menyebabkan lebam, disimbah dengan air panas sehingga melecur dan dinafikan gaji bulanan (Astro Awani, 2022).
3. Seorang kanak-kanak lelaki dikurung, dibiarkan dalam keadaan tidak bermaya dan tanpa pakaian dengan kesan-kesan luka di badan. Mangsa dilaporkan telah mengalami penderaan tersebut selama hampir enam bulan sehingga menyebabkan kesusutan nilai berat badan yang kritikal (MyMetro, 2023).

Kesannya, mangsa keganasan cenderung mengalami isolasi sosial dan takut untuk meluahkan perasaan kerana takut untuk memberitahu keluarga dan rakan atas beberapa faktor seperti takut, malu, menyimpan aib pasangan dan bimbang diri sendiri, anak-anak dan ahli keluarga disakiti sebagai pembalasan atas pendedahan tersebut (Buttelt & Ferreira, 2021). Dengan kawalan sepenuhnya dan akses terhad yang diberikan oleh pasangan, mangsa tidak dapat mencari pertolongan dari talian-talian terbuka sehinggalah kepada pertolongan secara fizikal di balai-balai polis berhampiran untuk melepaskan diri. Pengasingan sosial juga membawa kepada kegagalan mangsa berinteraksi untuk memohon bantuan daripada komuniti setempat (Sabri et al., 2020). Pendek kata, mangsa berasa tersisih dan keseorangan tanpa dipedulikan oleh orang sekelilingnya.

Justeru, keganasan yang dilakukan menimbulkan kesan utama dan susulan terhadap sekuriti makanan mangsa sebagaimana diringkaskan dalam jadual berikut:

Jadual 1.2 Implikasi Keganasan terhadap Insekuriti Makanan Mangsa


Bentuk Keganasan	Implikasi Utama	Implikasi Susulan
Sekatan terhadap makanan	Kelaparan, kebuluran, malnutrisi, kekurangan gizi dan perkembangan terbantut	Tekanan psikologi seperti perasaan negatif seperti bingung, sedih, marah, tidak berdaya, dan rasa bersalah.
Mendera secara fizikal seperti memukul dan keganasan secara seksual seperti merogol.	Menurunkan kemampuan mangsa mendapatkan pendapatan atau pekerjaan sekaligus menurunkan kuasa beli terhadap makanan. Bagi mangsa keganasan seksual, kemampuan mangsa mendapatkan bantuan menurun akibat ancaman yang diberikan pelaku keganasan.	Catuan makanan, peralihan kepada makanan yang lebih murah atau kurang berkualiti dan mengurangkan saiz makanan. Bagi keganasan seksual, mangsa terpaksa memendam pelakuan keganasan demi keselamatan diri dan keterjaminan makanan.

Melakukan keganasan verbal dan keganasan emosi.	Mangsa hilang keinginan untuk makan akibat hinaan dan kesukaran dalam membuat keputusan berkaitan dengan pembelian makanan atau pengurusan sumber kewangan keluarga akibat ketidakstabilan emosi.	Mulnutrisi, ketidakconsistensi dalam menyediakan makanan kepada keluarga. Mangsa juga berisiko tinggi memulakan siklus keganasan baharu akibat emosi yang tidak stabil.
Kawalan terhadap kewangan mangsa.	Mencatu makanan, melakukan strategi memasak makanan yang ada di sekitar rumah seperti memasak daun atau sayuran yang ditanam dan mengurangkan saiz hidangan. Selain itu, mangsa cenderung berjimat-cermat, membeli makanan tahan lama untuk memastikan makanan mencukupi tanpa perlu membeli secara berterusan dan menyimpan makanan secara sembunyi tanpa pengetahuan pemangsa bagi waktu kecemasan.	Mulnutrisi, kekurangan gizi dan tekanan psikologi akibat dilema di antara kekal bersama pelaku keganasan atau kebimbangan masa depan terhadap keselamatan serta keterjaminan makanan untuk diri dan anak-anak.
Isolasi sosial	Mangsa sukar mendapatkan bantuan makanan, terpaksa mencatu makanan dan memulakan strategi makan “apa yang ada.”	Meningkatkan tekanan psikologi mangsa kerana tidak mendapat sokongan sosial.

Sumber: Abd Manaf et al. (2023); Acosta (2020); Buttell & Ferreira (2021); McKay & Bennett (2023); Laurenzi et al. (2020); Waterman et al. (2024)

Berdasarkan jadual di atas, dapat dilihat dua implikasi yang berbeza iaitu implikasi utama yang berpunca daripada tindakan keganasan oleh pemangsa. Ia kemudiannya diikuti dengan implikasi susulan yang menjadi bebanan tambahan kepada mangsa. Keadaan ini secara langsung meningkatkan keupayaan pemangsa untuk meneruskan keganasan yang dilakukan seolah-olah pola tersebut seperti kitaran sebagaimana rajah di bawah:

Rajah 1.1 Kitaran Insekuriti Makanan bagi Mangsa Keganasan Domestik



Sumber: Analisis Pengkaji

Meskipun keganasan ini menyebabkan timbulnya pelbagai implikasi negatif termasuklah peningkatan ancaman terhadap sekuriti makanan mangsa, namun ia sering diabaikan kerana dianggap memiliki ruang lingkup yang relatif tertutup bahkan terdapat

sebahagian masyarakat berpandangan bahawa ia adalah wajar kerana melibatkan unsur pengajaran. Sedangkan isu ini memberi pelbagai kesan negatif dari kesan utama sehinggalah kesan susulan berikutan tindakan keganasan seperti malnutrisi, perkembangan terbantut, catuan makanan, peralihan kepada makanan murah atau kurang berkualiti dan kekurangan gizi yang menunjukkan bahawa pentingnya intervensi dan kesedaran sosial dalam menamatkan kitaran insekuriti makanan bagi mangsa keganasan domestik.

ARAH BAHARU DALAM MENJAMIN SEKURITI MAKANAN BAGI MANGSA KEGANASAN

Dari sudut pandangan Islam, masjid mempunyai pelbagai fungsi selain daripada peranannya yang utama sebagai tempat ibadah. Rentang fungsi ini menonjolkan komponen-komponen penting masjid dalam kehidupan manusia. Konsep ini berdasarkan keuniversalan masjid, yang didirikan oleh Nabi Muhammad SAW, yang digunakan untuk pertemuan, diskusi, penyebaran ilmu, dan administrasi. Secara tidak langsung, masjid berfungsi sebagai pusat untuk membangunkan agama, masyarakat, ummah, dan negara. Ini disebabkan oleh keupayaan masjid untuk mengumpulkan semua lapisan masyarakat bagi pelbagai tujuan sambil berfungsi sebagai hub sosial. Dengan itu, masjid dapat menyatukan umat Islam dan menjadi institusi pelbagai fungsi yang menyelesaikan konflik setempat.

Selanjutnya, sebuah projek perintis yang diambil inisiatif atas oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) bekerjasama dengan Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat (KPWKM), telah dilancarkan sebagai usaha untuk membantu mangsa keganasan domestik (Mohd Harun, 2021). Masjid Wilayah Persekutuan dan Masjid Al-Ghufran di Taman Tun Dr Ismail telah ditetapkan sebagai pusat transit untuk perlindungan dan aduan kes keganasan domestik di bawah tema projek perintis “masjid santuni masyarakat”.

Sementara itu, 12 masjid di Wilayah Persekutuan digunakan sebagai pusat aduan dan perkhidmatan kaunseling untuk mangsa keganasan domestik. Antaranya adalah Masjid al-Imam al-Ghazali, Masjid al-Qurtubi, Masjid Amru Ibn Al-As, Masjid Salahuddin al-Ayubi, Masjid Al-Imam Ash-Syafie, Masjid ar-Rahimah, Masjid Jameul Ehsan, Masjid Abu Ubaidah Al-Jarrah, Masjid Al-Muqarrabin, Masjid Al-Zubair Ibnu Awwam, Masjid Ar-Rahman dan Masjid Al-Ikhlasih (Wahab & Nordin, 2021).

Kewujudan masjid sebagai tempat perlindungan sementara dapat memudahkan mangsa melepaskan diri dari kepompong keganasan. Ini kerana, di Malaysia, mangsa mempunyai akses yang mudah ke masjid yang boleh dijumpai di hampir setiap daerah, mukim, atau kampung. Jika dibandingkan dengan negara lain seperti England, Bowstead (2017) menyatakan bahawa perjalanan mangsa keganasan yang mencari keselamatan adalah kompleks dan bersegmentasi dari masa ke masa dan ruang, disebabkan oleh tingkat permusuhan awal dan berterusan dari pelaku serta kekangan lain. Mangsa, terutamanya wanita, perlu menggunakan pengangkutan awam dan melarikan diri ke tempat yang jauh dari bandarnya untuk mengelak dari keganasan domestik. Kekangan ini menyebabkan mangsa keganasan kadangkala berfikir dua kali untuk melepaskan diri daripada keganasan yang dihadapinya (Bowstead, 2017).

Walaupun di Malaysia, bilangan rumah perlindungan berada pada tahap terendah, dengan hanya 42 rumah yang diwartakan dan 34 daripadanya diuruskan oleh kerajaan yang kebanyakannya terletak di Lembah Klang (Roslan & Sahdan, 2022). Keadaan ini memaksa mangsa keganasan khususnya wanita mengembara jauh, menghabiskan masa dan wang, untuk mencapai tempat perlindungan. Jarak antara mangsa dan tempat perlindungan di kawasan Lembah Klang adalah dari 2 hingga 44 km. Sementara itu, jarak mangsa dari pantai utara, timur, dan selatan Semenanjung Malaysia adalah antara 58 hingga 320 km (Roslan & Sahdan, 2022). Oleh itu, keberadaan tempat perlindungan yang mudah diakses oleh mangsa di pelbagai kawasan sangat penting untuk menyediakan keselamatan dan keamanan bagi mereka.

Berdasarkan kes-kes keganasan yang berlaku di Malaysia, pengkaji mendapati bahawa mangsa keganasan sememangnya terkesan akibat tindakan keganasan oleh

pemangsa. Namun, mangsa kebiasaannya cuba bertahan demi keselamatan dan keterjaminan makanan. Oleh sebab itu, masjid bukan sekadar perlu berfungsi sebagai tempat perlindungan bagi mangsa keganasan, tetapi juga menjamin sekuriti makanan mereka. Ini kerana mangsa biasanya melarikan diri dari keganasan dalam keadaan tanpa sokongan kewangan lantaran pelaku adalah individu yang dominan dalam pelbagai faktor.

Justeru, peranan masjid dalam membantu mangsa keganasan domestik mengatasi krisis sekuriti makanan dapat dilihat melalui beberapa aspek:

1. Penyediaan makanan dan bantuan asas: Masjid seringkali berfungsi sebagai pusat pengumpulan dan pengedaran bantuan makanan (*food bank*). Dalam situasi keganasan domestik yang mungkin menyebabkan mangsa kehilangan akses kepada sumber kewangan, masjid dapat menyediakan makanan dan keperluan asas lainnya, seperti pakaian dan barangan kebersihan, secara percuma atau pada harga yang rendah.
2. Pemberian wang saku: Membantu mangsa mengatasi kesulitan kewangan mereka dengan menyediakan wang saku hasil kutipan dana khas atau kolaborasi dengan lembaga zakat negeri. Pemberian wang saku ini dapat memberi harapan kepada mangsa untuk memulakan kehidupan baru seperti memulakan perniagaan kecil. Dengan wujudnya sumber pendapatan, mangsa dapat meningkatkan keupayaannya untuk membeli makanan dan perlahan-lahan beralih dari makanan kurang berkualiti kepada berkualiti sekaligus mengelakkan masalah seperti malnutrisi dan kekurangan gizi.
3. Perkhidmatan sokongan dan kaunseling: Masjid perlu menyediakan perkhidmatan kaunseling untuk membantu mangsa keganasan domestik mengatasi trauma dan tekanan psikologi yang dihadapi. Kaunseling ini tidak hanya melibatkan aspek mental dan emosi tetapi juga nasihat mengenai cara menguruskan kehidupan harian termasuk pengurusan makanan dan kewangan. Dengan itu, ia dapat mengatasi masalah seperti kehilangan selera makan, perasaan tidak berdaya dan pengabaian terhadap penyediaan makanan anak-anak akibat ketidakstabilan emosi.
4. Program kesedaran: Masjid juga memainkan peranan dalam menyebarkan informasi tentang hak-hak individu di bawah undang-undang dan ajaran Islam, termasuk hak untuk mendapatkan perlindungan dari keganasan dan sekuriti makanan. Program-program ini membantu membangun kesedaran di kalangan umat Islam tentang pentingnya menangani isu-isu seperti keganasan domestik dan sekuriti makanan. Keadaan ini dapat mewujudkan jaringan sokongan komuniti yang dapat memberi bantuan langsung kepada mangsa keganasan domestik. Melalui jaringan ini, mangsa dapat mengakses berbagai sumber bantuan termasuk makanan, perlindungan, dan sokongan kewangan.

Melalui penyediaan makanan, bantuan kewangan, sokongan psikososial, dan kesedaran komuniti, masjid dilihat sebagai institusi yang berupaya mengatasi masalah insekuriti makanan yang dihadapi oleh mangsa-mangsa keganasan. Peranan masjid dalam menyediakan akses mudah kepada sumber-sumber ini sangat penting, terutamanya dalam konteks di mana sumber lain mungkin tidak dapat diakses dengan mudah atau cepat. Pendekatan ini tidak hanya mendukung keperluan fizikal dan emosi mangsa, tetapi juga memperkukuhkan nilai-nilai masyarakat yang berlandaskan empati dan bantuan bersama.

KESIMPULAN

Fenomena keganasan domestik dan insekuriti makanan di Malaysia merupakan isu kompleks yang mempengaruhi banyak aspek kehidupan individu yang terlibat. Keganasan domestik bukan sahaja menimbulkan kecederaan fizikal dan trauma psikologi, tetapi juga seringkali menyebabkan mangsa mengalami insekuriti makanan akibat kehilangan kemampuan untuk mengakses atau membeli makanan yang mencukupi dan berkualiti. Hal ini lebih parah apabila berlakunya pengasingan sosial yang dihadapi oleh mangsa. Justeru, masjid dengan peranannya yang bersejarah dan strategik dalam masyarakat Islam,

berpotensi besar sebagai sumber sokongan dalam mengatasi kedua-dua masalah ini. Melalui fungsi-fungsi institusi dan komunitinya, masjid dapat menyediakan tempat perlindungan dan makanan kepada mangsa keganasan domestik, sekaligus meminimumkan risiko insekuri makanan. Di samping itu, masjid juga dapat memainkan peranan penting dalam pendidikan melalui program-program kesedaran yang mengajak umat Islam untuk menolak keganasan, menyuburkan sikap cakna sosial dan mempromosikan kestabilan keluarga setempat.

PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi atas dana geran FRGS/1/2023/SSI13/UM/02/2 yang bertajuk Model Mitigasi Sekuriti Makanan Halal Berdasarkan Prinsip Kesetaraan Gender untuk Kelestarian Keluarga Madani di Malaysia

RUJUKAN

Buku

- FAO, IFAD, UNICEF, WFP & WHO. (2023). *The State of Food Security and Nutrition in the World 2023. Urbanization, agrifood systems transformation and healthy diets across the rural-urban continuum*. Rome: FAO. <https://doi.org/10.4060/cc3017en>
- Ibrahim, A.Z. & Mazlan, N.N. (2021). *COVID-19: Jaminan Bekalan Makanan B40*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2022). *Laporan Statistik Tahun 2021*. Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- Kinealy, C. (2023). *'The past is not dead': hunger and famine in Ireland*. In: Handbook of Food Security and Society, ed. Martin Caraher, John Coveney and Mickey Chopra (pp. 27-37). Edward Elgar Publishing.
- Ramli, M.A. (2021). *Cabaran Lokal dan Global Terhadap Kelestarian Keluarga Malaysia Pasca Pandemik Covid-19*. Dlm: Keluarga Malaysia dan Perpaduan Umat: Konsep, Gagasan dan Realiti. Ed. Baharom Kassim, Abd. Karim Ali, Muhamad Alihanafiah Norasid, Muhammad Ikhlas Rosele, Muhammad Safwan Harun (pp. 259-286). Shah Alam. Persatuan Ulama Malaysia.

Jurnal

- Abay, K. A., Breisinger, C., Glauber, J., Kurdi, S., Laborde, D., & Siddig, K. (2023). The Russia-Ukraine war: Implications for global and regional food security and potential policy responses. *Global Food Security*, 36, 100675.
- Abd Manaf, A. R., Othman, S. Z., Mat Saad, Z., Mohd Noor, A. A., & Awang, F. (2023). Penderaan Ekonomi Mangsa Keganasan Rumah Tangga: Perspektif Pengamal. *Jurnal Pembangunan Sosial (JPS)*, 26, 71-86.
- Acosta, M. L. (2020). Gender-based violence during the pandemic and lockdown. *Spanish Journal of Legal Medicine*, 46(3), 139-145.
- Ahmad, M.H., Selamat, R., Salleh, R., Majid, N.L. A., Zainuddin, A. A., Bakar, W. A. M. A., & Aris, T. (2020). Food insecurity situation in Malaysia: findings from malaysian adult nutrition survey (MANS) 2014. *Malaysian Journal of Public Health Medicine*, 20(1), 167-174.
- Ali, P., Rogers, M., & Heward-Belle, S. (2021). COVID-19 and domestic violence: impact on mental health. *Journal of criminal psychology*, 11(3), 188-202.
- Bowstead, J.C. 2017. Segmented Journeys, Fragmented Lives: Women's Forced Migration to Escape Domestic Violence. *Journal of Gender-Based Violence* 1(1), 45-60.
- Buttell, F., & Ferreira, R. J. (2020). The hidden disaster of COVID-19: Intimate partner violence. *Psychological Trauma: Theory, Research, Practice, and Policy*, 12(S1), S197-S198.

- Daud, N. M., Hussin, M. N. M., & Jamaludin, M. H. (2021). Keganasan rumahtangga di Malaysia: Satu analisis literatur: Domestic violence in Malaysia: Analysis of literature review. *Journal of Shariah Law Research*, 6(2), 273-296.
- Forsythe, L. (2023). Gender-based violence in food systems. *Nature food*, 1-4.
- Hatcher, A. M., Neilands, T. B., Rebombo, D., Weiser, S. D., & Christofides, N. J. (2022). Food insecurity and men's perpetration of partner violence in a longitudinal cohort in South Africa. *BMJ nutrition, prevention & health*, 5(1), 36.
- Hernández, W. (2021). Violence with femicide risk: Its effects on women and their children. *Journal of interpersonal violence*, 36(11-12), NP6465-NP6491.
- Homan, C. M., Schrading, J. N., Ptucha, R. W., Cerulli, C., & Ovesdotter Alm, C. (2020). Quantitative methods for analyzing intimate partner violence in microblogs: observational study. *Journal of medical internet research*, 22(11), e15347.
- Kourti, A., Stavridou, A., Panagouli, E., Psaltopoulou, T., Spiliopoulou, C., Tsolia, M., ... & Tsitsika, A. (2023). Domestic violence during the COVID-19 pandemic: a systematic review. *Trauma, violence, & abuse*, 24(2), 719-745.
- Laurenzi, C., Field, S., & Honikman, S. (2020). Food insecurity, maternal mental health, and domestic violence: a call for a syndemic approach to research and interventions. *Maternal and child health journal*, 24, 401-404.
- Lin, K., Zhou, P., Liu, M., Chen, B., Zhou, Z., Zhang, Y., ... & Xing, Y. (2024). The relationship between intimate partner violence and child malnutrition: a retrospective study in 29 sub-Saharan African countries. *Frontiers in public health*, 11, 1231913.
- Mahdzir, N., Rahman, A. A., Rahim, A. A., & Md Ismail, C. T. (2021). Perlindungan Terhadap Mangsa Keganasan Rumahtangga Dalam Situasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Menurut Perspektif Undang Undang. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (22), 179-188.
- McKay, F. H., & Bennett, R. (2023). Examining the Relationship Between Food Insecurity and Family Violence: A Systematic Narrative Review. *Journal of Family Violence*, 1-14.
- Medina-Hernández, E. J., Barco-Llerena, E., & Johanna, K. (2023). Food security in the world: Disparities and opportunities by country income levels, *Studies in Agricultural Economics* 125, 127-135
- Pickson, R. B., Gui, P., Chen, A., & Boateng, E. (2023). Climate change and food security nexus in Asia: A regional comparison. *Ecological Informatics*, 76, 102038.
- Quispe, A. M., Vargas, L., Sotelo, M., Rojas, Y. G., Sabaduche, J., & Navarro, C. (2022). The impact of the COVID-19 pandemic on gender-based violence and physical violence among women in Peru. *Gates Open Research*, 6(102), 102.
- Rahman, S. M. H. S. A., & Kasa, A. R. (2021). Pengurusan Stres Anak-Anak Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 22(1), 205-215.
- Rezvi, H. U. A., Tahjib-Ul-Arif, M., Azim, M. A., Tumpa, T. A., Tipu, M. M. H., Najnine, F., ... & Brestič, M. (2023). Rice and food security: Climate change implications and the future prospects for nutritional security. *Food and Energy Security*, 12(1), e430.
- Roslan, S.N. & Sahdan, Z. 2022. Pemetaan Perjalanan Wanita dalam Mendapatkan Perlindungan daripada Keganasan Rumah Tangga di Malaysia. *Geografi*, 10(1), 1-19.
- Sabri, B., Hartley, M., Saha, J., Murray, S., Glass, N., & Campbell, J. C. (2020). Effect of COVID-19 pandemic on women's health and safety: A study of immigrant survivors of intimate partner violence. *Health care for women international*, 41(11-12), 1294-1312.
- Saifollah, S. N. (2023). Neglect Of Children's Rights Amid The Covid-19 Pandemic: Pengabaian Hak Kanak-Kanak Semasa Pandemik Covid-19. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 31(2), 89-100.
- Wahab, N. A., & Nordin, F. N. M. (2021). Masjid Sebagai Pusat Transit Perlindungan dan Aduan Kes Keganasan Rumah Tangga: Tinjauan Awal. *International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management (Al-Mimbar)* 1(2), 96-111.

Waterman, E. A., McLain, M., Zulfiqar, H., Ahmar Qadeer, T., & Ciavoi, S. M. (2024). The link between intimate partner violence and food insecurity: a review of quantitative and qualitative studies. *Trauma, Violence, & Abuse, 25*(2), 1511-1530.

Laman Sesawang

Astro Awani. (2021, Jun 22). PKP: Tertekan tiada kerja, suami kurung isteri, anak-anak dalam rumah. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pkp-tertekan-tiada-kerja-suami-kurung-isteri-anakanak-dalam-rumah-304406> (diakses pada 27 Januari 2024)

Astro Awani. (2022, September 2). Majikan durjana dipercayai pegawai kerajaan dera pembantu rumah. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/eksklusif-majikan-durjana-dipercayai-pegawai-kerajaan-dera-pembantu-rumah-379071>. (diakses pada 27 Januari 2024)

Astro Awani. (2023, Ogos 3). Kanak-kanak mangsa dera ditemui kelaparan, minta makanan. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-mangsa-dera-ditemui-kelaparan-minta-makanan-431151> (diakses pada 27 Januari 2024)

Berita Harian. (2023, Disember 5). Kanak-kanak maut kerana kurang zat, makanan – Polis. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/12/1185504/kanak-kanak-maut-kerana-kurang-zat-makanan-polis> (diakses pada 27 Januari 2024)

Berita Harian. (2024, April 15). Lelaki dera isteri guna cecair lilin panas ditahan polis. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1235064/lelaki-dera-isteri-guna-cecair-lilin-panas-ditahan-polis> (diakses pada 27 Januari 2024)

Bernamea. (2022, Januari 27). Faktor cuaca tidak menentu antara punca pengeluaran telur ayam berkurangan. <https://bernama.com/bm/news.php?id=2046998>.

Global Food Security Index 2022. (2022). *The Economist Impact*. <https://impact.economist.com/sustainability/project/food-security-index/> (diakses pada 02 September 2022)

Kosmo. (2023, Mac 30). Isteri jadi 'beg tinju' suami. <https://www.kosmo.com.my/2023/03/30/isteri-jadi-beg-tinju-suami-2/> (diakses pada 23 Mac 2023)

Kosmo. (2023, November 23). 5,050 wanita jadi mangsa keganasan tahun ini. <https://www.kosmo.com.my/2023/11/25/kes-keganasan-terhadap-wanita-masih-di-tahap-membimbangkan/#:~:text=Berdasarkan%20statistik%20Polis%20Diraja%20Malaysia,masalah%20dalam%20keluarga%20atau%20peribadi> (diakses pada 3 November 2023)

Kosmo. (2024, Februari 17). Sarawak ketiga tertinggi kes keganasan rumah tangga selepas Selangor, Kedah. <https://www.kosmo.com.my/2024/02/17/sarawak-ketiga-tertinggi-kes-keganasan-rumah-tangga-selepas-selangor-kedah/#:~:text=Menurut%20Nancy%2C%20berdasarkan%20statistik%20Polis,2022%20yang%20merekodkan%206%2C540%20kes> (diakses pada 17 Februari 2024)

Malaysia Gazette. (2024, Januari 9). Trend jenayah seksual kanak-kanak membimbangkan. <https://malaysiagazette.com/2024/01/09/trend-jenayah-seksual-kanak-kanak-membimbangkan/> (diakses pada 9 Januari 2024)

Mohd Harun, R. (2021). Teks Ucapan YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat dalam Program Majlis Pelancaran Masjid Sebagai Pusat Transit Keganasan Rumah Tangga (KRT) di Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, 4 Mei 2021 (Selasa). *KPWKM*. https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/TextUcapan/Ucapan%20YB%20Menteri/2021/SPEECH%20YBM_%20Pelancaran%20Masjid%20Sebagai%20Pusat%20Transit%20KRT_%204%20Mei%202021.pdf (diakses pada 27 Januari 2024)

- MyMetro. (2021, April 30). Asyik nak naik tangan. https://www.hmetro.com.my/utama/2021/04/700719/asyik-nak-naik-tangan?utm_source=dlvr.it&utm_medium=facebook (diakses pada 27 Januari 2024)
- MyMetro. (2022, Julai 19). Sekuriti makanan jadi kebimbangan utama. <https://www.hmetro.com.my/bisnes/2022/07/863030/sekuriti-makanan-jadi-kebimbangan-utama> (diakses pada 27 Januari 2024)
- MyMetro. (2023, Oktober 17). Kanak-kanak lelaki ditemukan tidak bermaya, menggigil, bogel, dikurung di tandas-NGO. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1021025/kanak-kanak-lelaki-ditemukan-tidak-bermaya-menggigil-bogel-dikurung-di> (diakses pada 27 Januari 2024)
- PDRM. (2024, Mac 4). Keratan Akhbar Pilihan: 18,433 Wanita Derita Keganasan Rumah Tangga. *Portal Rasmi Polis Diraja Malaysia*. <https://www.rmp.gov.my/news-detail/2024/03/04/keratan-akhbar-pilihan-18-433-wanita-derita-keganasan-rumah-tangga> (diakses pada 27 Januari 2024)
- Sinar Harian. (2022, Mei 29). Beban 'perang' lonjakan harga barang. <https://www.sinarharian.com.my/article/204527/khas/pendapat/beban-lsquperangrsquo-lonjakan-harga-barang> (diakses pada 27 Januari 2024)
- Sinar Harian. (2023a, Mei 8). Hasil sawit terkesan akibat cuaca panas. <https://www.sinarharian.com.my/article/257388/berita/nasional/hasil-sawit-terkesan-akibat-cuaca-panas> (diakses pada 27 Januari 2024)
- Sinar Harian. (2023b, Oktober 18). Budak lelaki mangsa dera minum air tandas, dibiarkan kelaparan. <https://www.sinarharian.com.my/article/630025/berita/semasa/budak-lelaki-mangsa-dera-minum-air-tandas-dibiarkan-kelaparan> (diakses pada 27 Januari 2024)
- Sinar Harian. (2024, Januari 25). Mengadu dirogol bapa punca remaja perempuan dipukul teruk. <https://www.sinarharian.com.my/article/646192/berita/semasa/mengadu-dirogol-bapa-punca-remaja-perempuan-dipukul-teruk> (diakses pada 27 Januari 2024)
- Utusan. (2023, April 21). Cuaca Panas Punca Tumbesaran Ayam Terjejas. <https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/cuaca-panas-punca-tumbesaran-ayam-terjejas-2/> (diakses pada 27 Januari 2024)

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.